



TINGGAL DI HOTEL LEBIH JIMAT BERBANDING SEWA RUMAH?

Oleh **HENDRA WINARNO**
hendra.winarno@mediamulia.com.my

TINGGAL di hotel berpotensi menjadi pilihan lebih berbaloi berbanding menyewa rumah bagi situasi tertentu, khususnya apabila hotel menawarkan pakej jangka panjang lengkap dengan kemudahan.

Selain kadar pakej yang lebih kompetitif, penginapan di hotel turut merangkumi kos utiliti, akses internet, pembersihan bilik, keselamatan 24 jam dan kemudahan asas lain yang biasanya memerlukan perbelanjaan tambahan jika menyewa

rumah.

Faktor ini menjadikan hotel sebagai pilihan yang lebih mudah diurus, terutamanya bagi golongan profesional bujang atau individu yang kerap berpindah kerana urusan kerja.

Menjadi persoalan, adakah hotel benar-benar menawarkan penjimatan jangka panjang berbanding kos menyewa rumah atau sekadar pilihan praktikal untuk gaya hidup tertentu?

Presiden Persatuan Hotel Bajet dan Bisnes Malaysia (MyBHA) merangkap Presiden Malaysian Tourism Federation (MTF), Dr. Sri Ganesh Michiel berkata, konsep tersebut sesuai

KONSEP TERSEBUT SESUAI UNTUK TEMPOH PENGINAPAN ANTARA SEBULAN HINGGA TIGA BULAN, MANAKALA BAGI KELUARGA BESAR ATAU TEMPOH MELEBIHI ENAM BULAN, SEWA RUMAH LAZIMNYA KEKAL LEBIH EKONOMI.

untuk tempoh penginapan antara sebulan hingga tiga bulan, manakala bagi keluarga besar atau tempoh melebihi enam bulan, sewa rumah lazimnya kekal lebih ekonomi.

“Bagi individu atau pasangan yang bekerja di lokasi strategik, kadar promosi *long-stay* hotel mampu menandingi kos sewa kediaman kerana tiada kos penyelenggaraan atau pembelian perabot.

“Sewa rumah biasanya memerlukan deposit dua hingga tiga bulan selain kos utiliti, internet, parkir dan penyelenggaraan.

“Sebaliknya, kadar penginapan jangka panjang di hotel bagi

tempoh 14 hingga 30 malam atau lebih sering merangkumi semua kemudahan,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurut beliau, faktor lain yang membuatkan hotel lebih berbaloi termasuk kemudahan gimnasium, kolam renang, ruang kerja bersama, fleksibiliti keluar awal, tiada risiko kos penyelenggaraan dan perkhidmatan *housekeeping*.

Bagaimanapun, beliau berkata, buat masa ini, tiada statistik nasional khusus menjejak permintaan penginapan jangka panjang di hotel.

Bersambung di muka 16